

22 MAY 2002

Mustapa-Serangan

UMNO KELANTAN AKAN MULA MENYERANG PAS

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) -- Umno Kelantan akan memulakan "serangan" ke atas PAS dengan membuat pendedahan besar-besaran mengenai segala kelemahan dan muslihat parti itu terhadap rakyat selama ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata serangan itu adalah berdasarkan kepada fakta-fakta kukuh dan bukannya mengikut emosi.

"Sebelum pilihan raya umum akan datang, kita (Umno) perlu mencungkil segala kelemahan yang ada pada parti itu (PAS) dan mendedahkannya kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan biasiswa dan bantuan kewangan Persatuan Alumni Maktab Sultan Ismail Kelas 69 di sini hari ini.

Beliau mengulas arahan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil pendekatan menyerang dan tidak lagi defensif dalam mendedahkan segala kelemahan dan muslihat parti pembangkang kepada rakyat selama ini.

Mustapa berkata parti-parti pembangkang menyerang Umno dan BN mengikut emosi tanpa fakta termasuklah serangan peribadi terhadap pemimpin kerajaan.

Beliau berkata selain kelemahan pentadbiran kerajaan negeri pimpinan PAS, Kelantan kini teruk dilanda oleh masalah sosial yang memperlihatkan seolah-olah kerajaan negeri "lepas tangan" dengan meletakkan kesalahan itu di atas bahu orang lain.

Umno Kelantan akan cuba mendedahkan kepada rakyat punca berlakunya masalah dadah, pil kuda dan arak yang semakin membimbangkan sekarang berbanding ketika Kelantan di bawah pimpinan kerajaan BN, katanya.

"Ini mencerminkan kegagalan kerajaan negeri, kita perlu bertanya mereka apakah tindakan yang telah mereka ambil dan apakah tindakan yang mereka rancang untuk menangani masalah remaja yang terlibat dalam pelbagai masalah sosial," katanya.

Beliau mendakwa pemimpin-pemimpin kerajaan negeri lebih banyak menumpukan kepada kerja-kerja parti berbanding membangunkan negeri dan membantu meringankan bebanan yang dihadapi golongan miskin.

"Pemimpin-pemimpin negeri ini memberi tumpuan pada urusan politik, kerja utama mereka ialah untuk mengekalkan kuasa, mereka akan buat apa sahaja untuk memastikan mereka terus kekal berkuasa di Kelantan ini," tambahnya.

-- BERNAMA

BD MOZ